LEE SENG HO

lwn.

AMIR BAKAR & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
MOHTARUDIN BAKI H
[RAYUAN SIVIL NO: 2-12-40-2004]
24 JANUARI 2008

TORT: *Kemalangan jalanraya - Liabiliti - Sama ada 50-50 - Sama ada mahkamah sesyen khilaf apabila merumuskan simati juga bertanggungan 50% - Doktrin res ipsa loquitor - Sama ada harus dipakai*

GANTIRUGI: *Kuantum - Multiplicand - Sama ada adik-beradik simati ada hak membuat tuntutan - Civil Law Act 1956, s. 7 - Sama ada 'living expenses' ditolak dari amaun sebulan yang diberikan kepada plaintif - Sama ada mahkamah sesyen betul apabila memerintah kaedah faedah*

Ini adalah rayuan plaintif/perayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan liabiliti sebagai 50-50 dan multiplicand RM400 sebulan. Defendan/responden membuat rayuan balas terhadap kuantum, iaitu multiplicand RM400 sebulan perlu ditolak living expenses plaintiff/responden dan bayaran tanggungan adik simati tidak seharusnya dibenarkan kerana 'adik' bukanlah seorang dependant di bawah s. 7 Civil Law Act 1956 serta 'faedah' yang diawadkan tidak dipisahkan antara pre-trial dan post-trial. Faktanya adalah plaintif (simati) penumpang kereta WCM 6118 yang dipandu oleh SP2 telah berlanggar belakang kereta MAL 405 yang sama laluan. Defendan memandu lori NAS 7204 telah melanggar belakang/kiri kereta WCM 6118 yang menyebabkan simati dilanggar dan meninggal dunia. Mayat simati dijumpai di belakang/kiri lori defendan. Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa simati menyumbang kecuaian 50% dan dengan itu doktrin *res ipsa loquitor* tidak terpakai.

Diputuskan (membenarkan rayuan plaintif/perayu):

(1) Simati dalam kes ini adalah bystander. Sebagai pemandu lori yang berhemah, defendan sepatutnya dapat berhenti apabila kereta atau lori di hadapannya berhenti. Defendan sendiri akui dia cuba mengelak tetapi terlanggar juga kereta tersebut lalu terbabas ke kiri jalan. Apabila dia turun, dia mendapati simati

terbaring di belakang lori beliau. Hakim Mahkamah Sesyen khilaf (misdirected) apabila terus merumuskan simati bertanggungan 50% di dalam kemalangan ini. Doktrin *res ipsa loquitor* terpakai dan defendan bertanggungan 100% di dalam kemalangan ini. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan. (perenggan 13, 14 & 15)

(2) Adalah jelas SP4 (plaintif/ibu simati) menerima RM600 sebulan dari simati dan menyatakan bahawa sumbangan wang dari simati untuk menyara SP4, simati sendiri dan anak beliau berusia 12 tahun. Perbelanjaan RM600 sebulan untuk tiga orang adalah munasabah. Wang RM200 sebulan bukan diberi oleh simati kepada ibunya SP4 khas untuk belanja persekolahan adiknya. Simati memberi RM600 sebulan terpulang kepada ibunya untuk membelanjakan wang tersebut. Mengenai s. 7 ianya tidak memberi hak kepada adik beradik simati membuat tuntutan. Dengan itu RM200 sebulan tidak boleh ditolak dari jumlah RM600 sebulan yang diterima plaintif. (perenggan 21, 22, 23 & 24)

(3) Mahkamah juga menolak hujah defendan supaya 'living expenses' ditolak dari RM600 sebulan yang diberikan kepada plaintif. Adalah jelas dari keterangan bahawa si mati berpendapatan RM1200 atau RM900 sebulan. Simati bukan memberi keseluruhan pendapatan bulanan beliau kepada plaintif, kemudian meminta wang perbelanjaan diri (living expenses) daripada plaintif. Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul apabila memerintahkan kadar faedah 4% setahun bermula dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman dan 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian. (perenggan 26 & 27)

Kes-kes yang dirujuk:

Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng [1994] 3 CLJ 687 SC ***(dirujuk)***
Marimuthu Velappan v. Abdullah Ismail [2007] 1 CLJ 436 HC ***(dirujuk)***
Miskinah Jaya & Ors v. Mohamed Salleh & Anor [1983] 2 CLJ 267; [1983] CLJ (Rep) 630 HC ***(dirujuk)***
Ng Chui Sia v. Maimon Ali [1982] 1 LNS 95 ***(dirujuk)***
Teoh Guat Looi v. Ng Hong Guan [1998] 4 CLJ 416 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, s. 7(3)(iv)(d)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

Bagi pihak perayu - Zaridah Y Abdul Jaapar; T/n Sabarudin Othman & Ho
Bagi pihak responden - Matthew Thomas; T/n Matthew Thomas & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki H:

[1] Rayuan di hadapan saya ialah oleh plaintif/perayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan liabiliti sebagai 50-50 dan multiplicand RM400 sebulan.

[2] Defendan/responden yang membuat rayuan balas terhadap kuantum, iaitu multiplicand RM400 sebulan perlu ditolak living expenses plaintif/responden. Bayaran tanggungan adik simati tidak seharusnya dibenarkan kerana "adik" bukanlah seorang dependant di bawah s. 7 Civil Law Act 1956 serta 'faedah' yang diawadkan tidak dipisahkan antara pre-trial dan post-trial.

Liabiliti

[3] (Defendan/responden tidak merayu terhadap isu kuantum 50-50).

Fakta Kes

[4] Plaintif (simati) penumpang kereta WCM 6118 yang dipandu oleh SP2 telah berlanggar belakang kereta MAL 405 yang sama laluan. Defendan memandu lori NAS 7204 telah melanggar belakang/kiri kereta WCM 6118 yang menyebabkan simati dilanggar dan meninggal dunia. Mayat simati dijumpai di belakang/kiri lori defendan. Tiada saksi yang melihat bagaimana kejadian berlaku. Hakim Mahkamah Sesyen menolak pemakaian doktkrin *res ipsa loquitur.*

Samada Doktrin *Res Ipsa Loquitur* Terpakai Atau Tidak

[5] Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa simati menyumbang kecuaian 50% dan dengan itu doktrin *res ipsa loquitur* tidak terpakai.

[6] Hakim Mahkamah Sesyen bersandarkan kepada kes *Ng Chui Sia v. Maimon bt. Ali* [1982] 1 LNS 95, iaitu adalah tanggungan plaintif untuk buktikan kecuaian defendan.

[7] Dari alasan penghakiman (ms 61 rekod rayuan) Hakim Mahkamah Sesyen menyatakan sebagai penemuan fakta:

Isu liabiliti

Kemalangan maut ini berlaku pada 13.2.02 di Jalan Balai Panjang pada jam lebih kurang 6.45 pagi. Adalah menjadi fakta yang tidak dinafikan bahawa sebelum kemalangan maut ini berlaku, terlebih dahulu kereta WCM 6118 yang dipandu oleh Lee Seng Fiu (SP2) dan ditumpangi oleh simati Khoo Chee Wee telah terlibat dalam kemalangan dengan sebuah kereta yang lain No. MAL 405 ditempat yang sama (perlanggaran pertama).

Lebih kurang 10 minit kemudian, perlanggaran kedua telah berlaku dimana motorlori defendan telah melanggar bahagian belakang m/kar WCM 6118 lalu menyebabkan simati meninggal dunia di tempat kejadian.

Mengikut keterangan SP2 selepas berlaku perlanggaran pertama, beliau telah meletakkan keretanya di bahu jalan ditanda 'X' (ditandakan oleh saksi dalam rajah kasar) sebelum pergi berbincang dengan pemandu m/kar MAL 405 yang dilanggarnya. Pada ketika itu keadaan jalan telah mula menjadi sesak dan beliau tidak nampak dimana simati berada dan tidak tahu bagaimana perlanggaran m/lori defendan dengan simati berlaku.

Sebagai Pegawai Penyiasat C/Insp Mohd Zuki bin Hj. Abd. Ghani (SP1) telah sampai ketempat kejadian pada jam 7.47 pagi hari yang sama. Ketiga-tiga kenderaan yang terlibat dan mayat simati masih berada ditempat kejadian dan dipercayai tidak diubah kedudukannya. Mayat simati berada dibelakang tayar m/lori defendan di bahu jalan disebelah kiri. Menurut SP1, tanda 'G' dalam rajah kasar (P1) adalah pecahan kaca yang dipercayai datang dari perlanggaran antara m/kar WCM 6118 dan m/lori defendan No. NAS 7204.

Defendan pertama (SDI) dalam keterangannya menyatakan bahawa dalam kesesakan jalan tersebut beliau telah membrek dan cuba mengelak kekiri dari berlanggar dengan sebuah m/lori lain yang berhenti secara mengejut dihadapannya. Disebelah kiri terdapat sebuah kereta yang berhenti (kereta WCM 6118) dan sekali lagi beliau cuba elak kekiri tapi telah terlanggar juga dengan kereta tersebut lalu terbabas kekiri jalan. Semasa SDI turun, beliau dapati seorang lelaki terbaring dibelakang m/lorinya.

Berdasarkan keterangan saksi-saksi, peguam terpelajar plaintif berhujah bahawa doktrin *res ipsa loquitur* adalah terpakai bagi meletakkan liabiliti secara 100% keatas defendan berdasarkan faktor-faktor berikut:

1. M/lori SDI termasuk dan terlepas tepi jalan kiri.

2. SDI telah menggelak 2 kenderaan di hadapannya. Kedua-duanya dibahagian kiri mereka tanpa berhenti dibelakang mereka.

3. SDI telah memotong m/lori tersebut yang nombornya tidak diketahui di sebelah kirinya.

4. SDI telah memandu dengan jarak yang tidak selamat dari m/lori yang nombornya tidak diketahui dan mengakibatkan ia tidak dapat berhenti di belakang m/lori tersebut dan terpaksa mengelak ketepi kemudiannya menghala ke depan tanpa berhenti dan mengakibatkan kemalangan dengan m/kar No. WCM 6118 dan simati.

5. SDI telah memandu m/lorinya dengan sangat laju.

6. Kerosakan m/lori SDI adalah di bahagian kanannya.

7. Walau bagaimanapun SDI telah berkata dia telah memasang breknya apabila m/lori yang nombornya tidak diketahui berhenti dengan mengejut. M/lori SDI masih menghala ke hadapan dan melanggar m/kar No. WCM 6118 dan simati.

[8] Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila menolak pemakaian doktrin *res ipsa loquitur* di dalam kes ini. Di dalam kes *Teoh Guat Looi v. Ng Hong Guan* [1998] 4 CLJ 416 diputuskan doktrin *res ipsa loquitur* adalah terpakai. Fakta di dalam kes tersebut:

> simati telah dilihat kali terakhir berdiri di sebelah kereta yang diletakkan di tepi jalan apabila sebuah motorkar yang dipandu oleh defendan berundur dan melanggar simati. Tiada saksi melihat perlanggaran tersebut.

[9] Di dalam kes di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, adalah jelas SP2 sedang berbincang dengan pemandu kereta MAL 405 dan tidak memberi perhatian kepada kedudukan simati. Kali terakhir dia melihat simati berada di tepi jalan.

[10] Hujah peguam defendan iaitu kegagalan membawa pemandu kereta MAL 405 adalah fatal dan andaian di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai. Di dalam situasi begini pemandu kereta MAL 405 sudah pasti memberi tumpuan kepada perbincangan dengan SP2 tentang keretanya dilanggar dari belakang oleh SP2.

[11] Di dalam penemuan fakta No. 5 di dalam alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, beliau menerima fakta bahawa "dalam kesesakan jalan tersebut, defendan telah membrek dan cuba mengelak ke kiri dari berlanggar dengan sebuah m/lori lain yang berhenti secara mengejut di hadapannya. Di sebelah kiri terdapat sebuah kereta yang berhenti (WCM 6118) dan sekali lagi beliau cuba elak ke kiri tetapi telah terlanggar kereta tersebut lalu terbabas ke kiri jalan. Semasa defendan turun beliau dapati seorang lelaki terbaring di belakang m/lorinya."

[12] Anehnya Hakim Mahkamah Sesyen telah merujuk kes *Miskinah bte Jaya & Ors. v. Mohamed bin Salleh & Anor.* [1983] 2 CLJ 267; [1983] CLJ (Rep) 630 di ms 67 rekod rayuan:

> The defendant's lack of knowledge of any accident must imply a finding that he was driving without due care and attention, and had not been keeping a proper look-out. On this count alone some negligence must be laid at his door.

[13] Dalam kes di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen simati adalah bystander. Sebagai pemandu lori yang berhemah, defendan sepatutnya dapat berhenti apabila kereta atau lori di hadapannya berhenti. Defendan sendiri akui dia cuba mengelak tetapi terlanggar juga kereta tersebut lalu terbabas ke kiri jalan. Apabila dia turun, dia mendapati simati terbaring di belakang lori beliau.

[14] Apakah butir-butir kecuaian sumbangan simati di dalam fakta ini? Hakim Mahkamah Sesyen khilaf (misdirected) apabila terus merumuskan simati bertanggungan 50% di dalam kemalangan ini.

[15] Dengan itu saya memutuskan doktrin *res ipsa loquitur* terpakai dan defendan bertanggungan 100% di dalam kemalangan ini. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan.

Kuantum

[16] Kehilangan tanggungan (dependancy). Plaintif menuntut RM600 sebulan manakala Hakim Mahkamah Sesyen hanya membenarkan RM400 sebulan. Peguam defendan berhujah RM400 perlu ditolak living expenses di dalam rayuan balas.

[17] Saya bersetuju multiplier di dalam kes ini ialah 16 seperti yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen bersandarkan kepada s. 7(3)(iv)(d) dan kes *Marimuthu a/l Velappan v. Abdullah bin Ismail* [2007] 1 CLJ 436. Tiada rayuan dalam isu ini.

[18] SP3 di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau menggaji simati dengan gaji bulanan RM1,200. Sebelum itu simati bekerja dengan Syarikat Pizza Hut dengan gaji RM900 sebulan secara purata. Penemuan fakta ini dijelaskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di ms 67 rekod rayuan.

[19] Hakim Mahkamah Sesyen juga menerima keterangan SP4 iaitu plaintif/ibu simati bahawa simati memberinya RM600 sebulan; di mana dari jumlah itu SP4 gunakan RM400 untuk saraan dan RM200 untuk perbelanjaan keluarga termasuk persekolahan adik simati (rujuk ms 68 rekod rayuan).

[20] Hakim Mahkamah Sesyen menerima fakta RM600 sebulan sebagai dependancy tetapi RM200 sebulan perlu ditolak kerana ianya untuk saraan persekolahan adik simati. Ini berdasarkan kepada kes *Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng* [1994] 3 CLJ 687 bawah Held:

> (1) Under s. 7 of the Act, the persons entitled to claim loss of support in respect of a deceased person are the wife, husband, parent and child only, not including a brother or a sister. The only person entitled to claim in the instant appeal would, therefore, be the plaintiff.

[21] Saya tidak bersetuju dengan alasan Hakim Mahkamah Sesyen ini. Dari keterangan adalah jelas SP4 menerima RM600 sebulan. Dari keterangan SP4 semasa soalbalas SP4 menyatakan sumbangan wang dari simati untuk menyara SP4, sirnati sendiri dan anak beliau berusia 12 tahun. Tiada soalbalas tentang suami beliau. Tanpa keterangan tentang sumbangan suami beliau, perbelanjaan keluarga RM600 sebulan untuk tiga orang adalah munasabah.

[22] Perbelanjaan sekolah adik simati. Saya berpendapat, wang RM200 sebulan bukan diberi oleh simati kepada ibunya (SP4) khas untuk belanja persekolahan adiknya. Simati beri RM600 sebulan terpulang kepada ibunya (SP4) untuk membelanjakan wang tersebut.

[23] Mengenai s. 7 yang diputuskan di dalam kes *Chan Chin Ming, supra,* ianya tidak memberi hak kepada adik beradik simati membuat tuntutan. Di dalam kes ini SP4 selaku ibu yang membuat tuntutan.

[24] Dengan itu RM200 sebulan tidak boleh ditolak dari jumlah RM600 sebulan yang diterima oleh plaintif (SP4).

[25] Saya juga menolak hujah peguam plaintif yang menuntut seluruh jumlah gaji simati. Dari keterangan SP4 menyatakan beliau hanya menerima RM600 sebulan dari simati.

[26] Saya juga menolak hujah peguam defendan supaya 'living expenses' ditolak dari RM600 sebulan yang diberikan kepada plaintif. Adalah jelas dari keterangan bahawa simati berpendapatan RM1,200 atau RM900 sebulan. Simati bukan memberi keseluruhan pendapatan bulanan beliau kepada plaintif, kemudian meminta wang perbelanjaan diri (living expenses) daripada plaintif.

[27] Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul apabila memerintahkan kadar faedah 4% setahun bermula dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman dan 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian (rujuk ms 70 rekod rayuan).

[28] Dengan itu rayuan plaintif/perayu dibenarkan dengan kos dan rayuan balas defendan/responden ditolak dengan kos.